



**Persepsi** <sup>BH 31.1.07</sup>  
<sup>m/s 8</sup>  
**terhadap kitar  
semula  
masih sempit**

**R**ANCANGAN Malaysia Ke-sembilan (RMK-9) tidak memberi komitmen jelas terhadap usaha mengitar semula tenaga sedangkan masih banyak sisa daripada pelbagai sektor tempatan dibazirkan begitu saja.

Pengerusi Pusat Alam Sekitar, Teknologi dan Pembangunan Malaysia, Gurmit Singh, (**gambar**) berkata orang ramai masih mempunyai persepsi sempit dan hanya menganggap elektrik sebagai sumber tenaga sedangkan banyak bahan lain yang boleh dikitar semula untuk tujuan itu.

"Kita masih mengulang kesilapan lama dan membazir elektrik untuk kegunaan remeh seperti menjerang air sedangkan sumber tenaga alternatif boleh digunakan. Sumber tenaga konvensional seperti minyak dan gas masih menjadi kegunaan utama rakyat.

"Malah, semua aspek kitar semula yang disyorkan kerajaan selama ini hanya menjurus kepada penjanaan elektrik kerana orang ramai kurang maklumat atau pendedahan mengenai potensi tenaga yang dikitar semula.

"Kerajaan harus menggubal dasar tenaga nasional dan bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi membangunkan serta melaksana dasar berkenaan," katanya dalam sidang pleno sempena Persidangan Kebangsaan Pembangunan Mapan Malaysia 2007, di sini semalam.

Gurmit berkata, kajian harus dilakukan terhadap sisa buangan semua sektor perindustrian negara bagi mengenal pasti sumber yang boleh dikitar semula seperti yang dilakukan terhadap sisa buangan industri kelapa sawit sekarang.

Selain itu, katanya, penggunaan kuasa solar, angin, ombak, geotherma, hidro dan biomas harus dilakukan secara meluas tetapi menerusi kaedah yang mesra alam, tanpa hanya bergantung kepada bahan api fosil seperti minyak.